

**Praktis 1**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Amisya memotong \_\_\_\_\_ ikan itu kepada dua bahagian.  
A bebiri  
B bebola  
C bebuluh  
D bebawang
2. Sawah padi itu \_\_\_\_\_ kerana dilanda musim kemarau.  
A gembur-gembur  
B kering-kontang  
C remuk-redam  
D punah-ranah

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Nazri segera memasang \_\_\_\_\_ pada pintu dan tingkap rumah setelah kes kecurian semakin berleluasa di kampungnya.  
A jejari  
B kekisi  
C kekuda  
D tetulang
4. Rumah itu menjadi \_\_\_\_\_ kerana terputus bekalan elektrik.  
A huru-hara  
B gelap-gelita  
C gelap-gelita  
D tunggang-langgang

5. \_\_\_\_\_ itu terbang lalu hinggap pada sekuntum bunga.  
A Anai-anai  
B Rama-rama  
C Labah-labah  
D Jentik-jentik
6. Penduduk kampung itu mengamalkan sikap \_\_\_\_\_ antara satu sama lain.  
A usik-mengusik  
B bantu-membantu  
C bercakar-cakaran  
D bersalam-salaman
7. Pemuda itu lari \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh seekor anjing liar.  
A huru-hara  
B kucar-kacir  
C lintang-pukang  
D mundur-mandir
8. Keadaan di kampung itu menjadi \_\_\_\_\_ apabila banyak kes pecah rumah berlaku akhir-akhir ini.  
A huru-hara  
B jerih-jerih  
C hiruk-pikuk  
D kelam-kabut
9. Tangan pesakit itu \_\_\_\_\_ kerana menghidap Parkinson.  
A terkial-kial  
B tergigil-gigil  
C terketar-ketar  
D termangu-mangu
10. Bot nelayan di tengah laut itu \_\_\_\_\_ dipukul ombak.  
A terpontang-panting  
B terhuyung-hayang  
C terolang-aling  
D terliang-liuk

11. Aini menyapu \_\_\_\_\_ kering di halaman rumahnya.  
 A dedalu C kekabu  
 B dedaun D bebawang
12. Pejalan kaki dinasihatkan supaya menggunakan \_\_\_\_\_ untuk melintas jalan agar tidak berlaku kemalangan.  
 A jejari  
 B kekuda  
 C jejambat  
 D jejantas
13. \_\_\_\_\_ telinga wanita itu bengkak kerana telah dijangkiti kuman.  
 A Gegendang  
 B Rerambut  
 C Bebola  
 D Cecair
- Soalan 14 hingga 16  
 Pilih ayat yang betul.
14. A Orang-orang dipasang di tengah-tengah sawah untuk menakutkan burung.  
 B Baju Shamil kusut-masai kerana terkena aiskrim yang dimakannya.
- C Pendapat Daniel ditolak betul-betul oleh kedua-dua orang kakaknya.  
 D Keadaan di dewan itu menjadi senang-lenang apabila semua lampu dipasang.
15. A Ibu mengisi dua biji bantal dengan kekabu.  
 B Aziz membalut buku rujukan yang baru dibelinya itu erat-erat.  
 C Ali ketawa terkebil-kebil apabila mendengar cerita Kamil yang lucu itu.  
 D Jalan raya yang berderet-deret itu sering mengundang kemalangan jalan raya.
16. A Adik menangis tercungap-cungap apabila permintaannya itu tidak diendahkan oleh ibu.  
 B Baju yang dipakai oleh pengemis itu punah-ranah dan kotor.  
 C Husna mengalami cirit-birit akibat keracunan makanan.  
 D Rambut lelaki itu huru-hara kerana tidak disikat.

### Praktis 2

Tandakan ( ✓ ) bagi kata ganda yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.

1. Kedengaran \_\_\_\_\_ suara wanita menangis ketika kami sedang berehat di tepi sungai.

|             |                          |
|-------------|--------------------------|
| sorok-sorok | <input type="checkbox"/> |
|-------------|--------------------------|

|               |                          |
|---------------|--------------------------|
| senyap-senyap | <input type="checkbox"/> |
|---------------|--------------------------|

|             |                          |
|-------------|--------------------------|
| sayup-sayup | <input type="checkbox"/> |
|-------------|--------------------------|

2. Pak Usup mahir dalam pembuatan \_\_\_\_\_ sayong.

|        |                          |
|--------|--------------------------|
| kekuda | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

|        |                          |
|--------|--------------------------|
| lelabu | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

|        |                          |
|--------|--------------------------|
| kekisi | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

3. Ibu \_\_\_\_\_ di ruang tamu kerana resah menunggu ayah yang masih belum pulang.

|             |                          |
|-------------|--------------------------|
| lalu-lalang | <input type="checkbox"/> |
|-------------|--------------------------|

|               |                          |
|---------------|--------------------------|
| mundar-mandir | <input type="checkbox"/> |
|---------------|--------------------------|

|            |                          |
|------------|--------------------------|
| ulang-alik | <input type="checkbox"/> |
|------------|--------------------------|



4. Dalam insiden rompakan kedai emas semalam, pihak polis \_\_\_\_\_ tembakan dengan perompak itu.

berbalas-balas

berganti-ganti

bertukar-tukar

5. Kilang besi itu mengeluarkan asap \_\_\_\_\_ di udara.

bersimpul-simpul

berketul-ketul

berkepul-kepul

6. Ameena memeluk ibunya \_\_\_\_\_ sebelum dia pulang ke asrama.

erat-erat

dekat-dekat

betul-betul

7. Sebaik-baik sahaja kami tiba di rumah, kilat \_\_\_\_\_ dan hujan turun dengan lebatnya.

berdentam-dentum

sabung-menyabung

berkelip-kelip

8. Pelumba-pelumba basikal itu \_\_\_\_\_ untuk memenangi perlumbaan itu.

menarik-narik

asak-mengasak

kejar-mengejar

### Praktis 3


Padankan ayat dengan jawapan yang paling sesuai.

|                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Beberapa ekor _____ hinggap pada kelopak bunga mawar itu.                        |
| 2. Bilik stor yang terletak di bawah tangga itu dipenuhi sarang _____.              |
| 3. "Aleeya, tutup bekas gula itu _____ supaya tidak dimasuki semut," kata ibu.      |
| 4. Siti menggenggam tangan ibunya _____ semasa bersalam.                            |
| 5. Penduduk kampung _____ ke balai raya untuk menyambut kedatangan Perdana Menteri. |
| 6. Orang ramai _____ untuk mengambil autograf penyanyi terkenal dari seberang itu.  |

|                |
|----------------|
| ketat-ketat    |
| kupu-kupu      |
| berduyun-duyun |
| labah-labah    |
| asak-mengasak  |
| erat-erat      |

**Praktis 4**

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.



1. Selepas berhenti kerja, Encik Latif mengusahakan perniagaan runcit secara \_\_\_\_\_ di kampungnya.
2. Pasukan bola sepak sekolah itu berusaha \_\_\_\_\_ untuk memenangi perlawanan peringkat separuh akhir.
3. "Janganlah kamu percaya \_\_\_\_\_ akan berita yang belum pasti itu," nasihat Encik Robert kepada rakannya.
4. Kejadian \_\_\_\_\_ yang berlaku pada awal pagi tadi di pekan kecil itu mengejutkan para penduduk.
5. Fikirannya \_\_\_\_\_ kerana memikirkan masalah keluarganya sejak belakangan ini.
6. Puva \_\_\_\_\_ dari rumah ke kolejnya sejauh 20 kilometer setiap hari.